

# SIAP UCSI

## eratkan kerjasama universiti, industri

Oleh Nurul 'Aniqah Sazale  
bhvarsiti@bh.com.my

► Kuala Lumpur

**S**istem pendidikan negara tidak seharusnya sekadar memberi pendidikan, sebaliknya perlu melatih pelajar menjadi usahawan dan tenaga kerja yang kompeten.

Canselor Universiti UCSI, Tan Sri Dr Abdul Rahman Arsyad, berkata bagi mencapai tujuan itu, penambahbaikan sistem

kurikulum pada peringkat sekolah perlu dilaksanakan dengan suntikan pengajaran dan pembelajaran lebih kreatif dan inovatif bagi melahirkan modal insan cemerlang dan berdaya saing.

"Sektor industri pula perlu mempunyai program latihan bagi melatih pekerja yang berkualiti bagi meningkatkan keupayaan, kemampuan dan pembangunan karektor dalam kalangan warga kerjanya supaya tidak terlalu bergantung pada institusi pendidikan tinggi," katanya.

Beliau berkata demikian ketika menyampaikan ucap tama bersempena dengan Persidangan Strengthening Industry-Academia Partnership (SIAP) bertemakan Pengukuhan Kerjasama Industri Akademik ke Arah Penjana Modal Insan Berilmu dan Berakhlak.

Lebih 200 peserta terdiri daripada tokoh korporat, ahli akademik, pengamal industri dan badan-badan profesional termasuk

“**SEKTOR INDUSTRI PULA PERLU MEMPUNYAI PROGRAM LATIHAN BAGI MELATIH PEKERJA YANG BERKUALITI BAGI MENINGKATKAN KEUPAYAAN, KEMAMPUAN DAN PEMBANGUNAN**”


**Dr Abdul Rahman Arsyad,**  
Canselor Universiti UCSI



Abdul Rahman menyampaikan ucap tama pada Persidangan SIAP di UCSI.



Sebahagian daripada peserta yang hadir pada Persidangan SIAP.



Prof Khalid (kanan) menyampaikan cenderamata kepada Poh Kon.

lapan nama besar dalam industri serta bidang akademik hadir menyertai persidangan berkenaan.

**Maklum balas majikan**  
Antaranya, Pengarah Akademik Kepimpinan Pendidikan Tinggi (AKEPT), Prof Dr Mohamad Kamal Harun, Ketua Pengarah Urusan SME Corporation Malaysia, Datuk Hafshah Hashim dan Timbalan Naib Canselor Akademik dan Antarabangsa Universiti Teknologi MARA (UiTM), Prof Dr Suhaimi Abd Talib.

Yang turut hadir ialah, Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi, Prof Datuk Dr Asma Ismail.

Sementara itu, Pengarah Urusan Royal Selangor International, Tan Sri Yong Poh Kon, berkata penguasaan bahasa Inggeris yang lemah antara punca ramai graduan sukar memperoleh pekerjaan.

"Kajian JobStreet Malaysia mendapati maklum balas

majikan di negara ini mengakui kebanyakan graduan gagal menguasai bahasa Inggeris dengan baik.

"Bagi graduan yang boleh menguasai bahasa Inggeris dan bahasa Melayu pula, mereka juga berdepan kesukaran berikutan kelemahan dari segi komunikasi secara berkesan," katanya.

Lebih membimbangkan, katanya, senario itu turut berlaku dalam kalangan graduan jurusan profesional seperti peguam, arkitek dan jurutera apabila ada yang gagal mempamerkan kemahiran komunikasi yang baik.

### Program Co-OP

Presiden Universiti UCSI, Prof Datuk Dr Khalid Yusoff, berkata biarpun bidang pendidikan hari ini mengakui keperluan untuk mengiktiraf nilai pengetahuan esoterik, perbendaharaan kata dan sejarah kepakaran teknikal yang dihasilkan oleh ahli akademik, sebuah

universiti tidak boleh berdiri sebagai menara gading tanpa mengetahui keperluan sebenar dunia masa kini.

"Menyedari akan perkara ini, kami menjalinkan kerjasama bersama rakan-rakan industri melalui program Co-Op UCSI yang mana pelajar kami akan menjalani latihan amali di syarikat mereka," katanya.

Setakat ini, katanya, UCSI telah menjalin kerjasama dengan lebih 3,500 syarikat berlainan industri dan hasil daripada program berkenaan, UCSI akan melancarkan inisiatif Kerjasama Premier Co-Op.

Beliau berkata, inisiatif itu membolehkan syarikat bersekutu mengenal pasti tenaga kerja yang berkebolehan untuk digunakan pada masa hadapan sekaligus akan meningkatkan pengalaman pembelajaran pelajar universiti itu.